

Saya tidak pernah minta maaf – Najib

UM-30/3/2007
KUALA LUMPUR 29 Mac – Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menjelaskan bahawa beliau tidak pernah memohon maaf kepada kerajaan Indonesia ekoran insiden yang berlaku di Blok Ambalat, Laut Sulawesi baru-baru ini.

Beliau berkata, apa yang berlaku semasa pertemuan dengan Menteri Pertahanan Indonesia, Juwono Sudarsono di Bali, Sabtu lalu ialah kedua-dua belah pihak bersetuju supaya masing-masing patuh kepada peraturan di medan konflik.

“Saya juga nyatakan kepadanya supaya Malaysia dan Indonesia perlu ada persefahaman untuk mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini berlaku. Oleh itu, tidak seharusnya timbul soal minta maaf,” katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Tertinggi (MT) UMNO di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Najib ditanya mengenai satu laporan agensi asing bahawa Juwono dipetik sebagai berkata, kerajaan Malaysia meminta maaf terhadap insiden yang berlaku di sempadan negara berdekatan Blok Ambalat di Laut Sulawesi, baru-baru ini.

Laporan itu mendakwa beberapa kapal terbang dan kapal laut milik tentera Malaysia yang digunakan untuk berperang dilaporkan menyeberangi sempadan perairan Indonesia berdekatan kawasan yang kaya dengan minyak itu awal bulan ini.